

Headline	Sapura kembali ke pentas final		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	24 Sep 2016	Readership	3,812,000
Circulation	1,270,667	Page No	86
Section	Arena	Journalist	N/A
ArticleSize	98 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 6,785		



## Sapura kembali ke pentas final

**Kuala Lumpur:** Sapura terpaksa bekerja keras sebelum melangkah ke final Piala TNB apabila mewaskan Kelab Hockey Kuala Lumpur (KLHC) menerusi penentuan penalti 4-2 pada aksi separuh akhir kedua, semalam.

Membawa bekalan selesa hasil kemenangan 3-1 pada separuh akhir pertama, Sapura bagaimanapun tewas 1-3 pada aksi timbal balik yang menyaksikan kedudukan muktamad terikat 4-4 sekali gus memaksa perlawanan diheret ke penentuan penalti sebelum muncul pemenang.

Sapura bakal membuat perhitungan dengan Terengganu Hockey Team (THT) yang menewaskan Maybank 8-4 hari ini sekali gus mencatat kemenangan 14-5 secara agregat.

Meskipun melangkah ke final, ketua jurulatih Sapura, Yahya Atan kurang ber-

puas hati dengan prestasi barisan pemainnya yang dilihat tidak beraksi pada tahap terbaik.

“Secara taktikal kami tidak bermain bagus. Pemain terlalu cepat melakukan serangan dan perkara ini sepatutnya tidak dilakukan.

“Jika mereka tidak mengikut arahan ditetapkan, situasi akan menjadi sukar dan inilah yang berlaku tadi (semalam).

“Malah, pemain saya juga gagal memanfaatkan banyak peluang menjaringkan gol,” katanya selepas tamat perlawanan.

Kejayaan itu sekali gus menyaksikan Sapura kembali ke pentas final sejak kali terakhir melakukannya pada 2006.

Dalam perlawanan semalam, gol KLHC dijaringkan Ali Shan dan Nam Hyun Woo (dua) manakala Mohd Khairul Ikhwan Mohd Shabudin untuk Sapura.